

U-Start unjur 20 syarikat baru

Kuala Lumpur: U-Start, platform bagi menghubungkan syarikat pemula yang dibangunkan universiti tempatan dan ASEAN menyasarkan 20 syarikat baru dalam tempoh lima tahun akan datang untuk menjadi syarikat global bersandarkan kerjasama dan jaringan pengeluaran produk komersial ke pasaran lebih luas.

Ia adalah platform perniagaan yang dibangunkan pada awal tahun ini bakal mewujudkan jaringan antara syarikat pemula universiti tempatan dan ASEAN kepada aktiviti pendanaan termasuk disertai pelabur budiman.

Pengasasnya Prof Dr Rofina Yasmin Othman berkata, ketika ini terdapat 100 syarikat pemula dari universiti tempatan antaranya Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau berkata, jaringan perniagaan itu akan menyaksikan penyertaan sya-

rikat pemula, penyelidik dan universiti, sekali gus membantu menjana pendapatan serta mengurangkan kebergantungan dana penyelidikan.

“Sasaran kita adalah mewujudkan jaringan antara universiti tempatan mengenai produk, penyelidikan, teknologi, pengkomersialan, dana dan pembiayaan di mana ia boleh digabungkan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih komersial untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Selama ini, syarikat pemula universiti mengeluarkan dan mengkomersialkan produk penyelidikan masing-masing yang mana mungkin mewujudkan dua hasil sama. Namun, menerusi U-Start mereka boleh bekerjasama dalam satu jaringan untuk memperkemarkan penawaran produk kepada pelanggan dalam dan luar negara” katanya pada Sidang Kemuncak Keusahawanan IASEAN di sini, semalam.

U-Start dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah. Turut hadir, Pengerusi IAES, Nadira Yusoff.

Selain pelancaran, U-Start juga mengadakan mesyuarat pertamanya yang disertai kira-kira 60 syarikat pemula daripada 30 universiti di seluruh ASEAN.



MISEE 2015
MALAYSIA INVESTMENT & STOCK EXCHANGE EXPO
PWTC, KUALA LUMPUR
20 - 22 NOVEMBER 2015
9.00 AM - 6.00PM
WWW.MISEE.MY